# INDIKATOR KESEJAHTERAAN PERANCANGAN BANDAR ISLAM

**NORIZAM BIN LAGIMAN**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

INDIKATOR KESEJAHTERAAN PERANCANGAN BANDAR ISLAM

NORIZAM BIN LAGIMAN

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah
Doktor Falsafah (Perancangan Bandar dan Wilayah)

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

SEPTEMBER 2015

# DEDIKASI

Minat untuk membangunkan indikator kesejahteraan bandar Islam tercetus sejak penyelidik melanjutkan pengajian di fakulti Usuludin dalam bidang Tafsir Al-Quran, Universiti Al-Azhar, Mesir pada tahun 1997 hingga 1999. Dalam tempoh pengajian ini, penyelidik berkesempatan mempelajari ilmu tafsir al-Quran daripada beberapa orang tokoh ulama dalam bidang tafsir seperti Syeikh Mutawalli al-Sya'rawiyy dan Profesor Dr Jubaili al-Mahdaliyy. Sepanjang tempoh pengajian di sana, penyelidik mengenalpasti keperluan dalaman diri manusia yang inginkan ilmu mengenal Allah SWT dan ilmu-ilmu lain untuk membentuk keperibadian manusia.

Dalam masa yang sama keadaan ini telah menimbulkan pelbagai persoalan dalam minda penyelidik berkaitan dengan keperluan luaran seseorang manusia terhadap ilmu-ilmu tersebut. Setelah menamatkan pengajian di Universiti Al-Azhar, dorongan untuk melanjutkan kajian terhadap keperluan luaran manusia kian bertambah, memandangkan keadaan masyarakat yang semakin hari semakin kacau-bilau, sedangkan negara semakin maju, tetapi kadar jenayah semakin meningkat dari tahun ke tahun. Oleh kerana itu, penyelidik memutuskan untuk menyambung pengajian di peringkat sarjana di fakulti Pengurusan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia Johor Baharu dari tahun 2004 hingga 2005. Fokus kajian yang ditumpukan berkaitan pembelajaran kendiri yang hasilnya menunjukkan bahawa manusia itu sendiri sebenarnya berpeluang untuk memajukan diri sendiri bagi mencapai keseimbangan antara fizikal, mental, emosional dan spiritual.

Penyelidik akhirnya memutuskan untuk melengkapkan kajian di peringkat doktor falsafah di fakulti Alam Bina, Universiti Teknologi Malaysia dengan membuat kajian kerana setelah fakulti kehidupan insan dibangunkan dengan sempurna maka wadah dalam menempatkan insan kamil (sempurna) perlu disediakan. Sekiranya insan yang telah dibangunkan dengan sempurna ini tidak ditempatkan dalam persekitaran yang baik lambat laun ia akan tercemar dengan suasana yang rosak. Oleh kerana itu suatu kajian untuk menempatkan insan yang telah dibangunkan sebagai insan kamil ini perlu dilaksanakan. Hal ini sejajar dengan firman Allah SWT dalam surah Saba' (34:15):

بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ ﴿١٥﴾

Terjemahan: Bandar yang baik dan mendapat keampunan Allah.

Ayat di atas menjelaskan bahawa pra syarat untuk mendapatkan keampunan Allah SWT mestilah dengan mewujudkan Bandar atau penempatan yang baik bertepatan dengan kehendak Allah SWT.

Rumusan ini menjelaskan bahawa di peringkat ijazah pertama penyelidik menumpukan kepada proses pembelajaran yang berteraskan kepada pembentukkan rohani. Ijazah diperingkat sarjana pula menumpukan kepada proses pembelajaran yang berteraskan kepada pembentukkan jasmani, emosi dan akli. Manakala ijazah diperingkat Doktor Falsafah pengkaji menjalingabungkan kemahiran ilmu yang telah diperolehi di peringkat ijazah pertama dan kedua yang merangkumi pembangunan rohani, jasmani, emosi dan akli untuk membangunkan indikator kesejahteraan dalam perancangan bandar Islam. Melalui kajian ini, sempurnalah pembangunan secara holistik yang diperlukan dalam membina kehidupan seorang insan *kamil* (sempurna) yang menepati konsep *al-Falah* (kejayaan) berteraskan kebahagiaan hidup duniawi dan ukhrawi.

# PENGHARGAAN

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT di atas taufik dan hidayah dalam iman dan Islam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar nabi Muhammad SAW serta ahli keluarga, para sahabat dan mereka yang menuruti jalannya dari awal hingga akhir zaman. Setinggi-tinggi penghormatan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan kajian ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Penghargaan khusus dirakamkan buat penyelia utama, Prof. Dr. Ibrahim Ngah dan penyelia kedua Prof. Madya Dr. Mohd Ismail Mustari yang sentiasa memberikan inspirasi, cadangan dan idea yang bernas serta komen yang membina sepanjang menyiapkan kajian ini. Jutaan terima kasih kepada Dr. Nurazmallail Marni dan Dr. Fauzi Abu yang turut serta membantu memberikan panduan dan bimbingan bagi memastikan tesis ini berjaya disiapkan. Sekalung tahniah ditujukan kepada pensyarah di UTM Johor Baharu terutamanya dari FAB, FTI dan FPPSM yang sentiasa berlapang dada untuk berkongsi ilmu dan pengalaman. Segala sumbangan jasa kalian dalam memantapkan lagi hasil kajian ini tidak akan dilupakan. Semoga Allah SWT jua yang membalasnya dengan ganjaran di sisi-Nya. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada para responden yang sentiasa memberikan bantuan dalam menjawab soal selidik kajian terutamanya para mufti dan timbalannya, pegawai-pegawai agama, pensyarah pengajian Islam dari IPTA dan IPTS serta para profesional perancangan bandar dari seluruh Malaysia. Rakaman penghargaan seterusnya buat sesiapa sahaja yang memberikan input dan bantuan kepada pengkaji dalam menjayakan penyelidikan ini yang tidak dapat disebutkan namanya dalam ruangan yang terbatas ada. Akhir sekali, khusus buat mereka yang sentiasa bersama dalam menempuhi saat senang dan susah, tawa dan duka, jatuh dan bangun untuk melihat kajian ini dapat disempurnakan. Ku pahatkan ingatan abadi di dalam tesis ini untuk ahli keluarga terutamanya buat ibunda dan ayahnda tersayang, isteri tercinta, Siti Norashikin Bashirun dan Nor Azlin Hassan serta anak-anak yang menjadi penyejuk mata iaitu Saadah, Ari'ef, Fiqry, Qaseh dan Syakir. Doa, sokongan dan kesetiaan serta ketabahan kalian menjadi penyuntik dan penyubur semangat dalam meneruskan jihad ilmu ini. Semoga kita semua sentiasa berbahagia dan mendapat rahmat-Nya di dunia yang sementara dan akhirat yang kekal abadi. *Amin ya Rabb al-Alamin*.

# ABSTRAK

Perbahasan mengenai bandar ideal dan sejahtera telah mendapat perhatian secara berterusan dalam usaha untuk membina kerangka yang sesuai bagi merancang masyarakat bandar. Bagaimanapun, sehingga kini belum ada lagi kajian mengenai pembangunan indikator kesejahteraan bandar dari perspektif Islam dilaksanakan. Tujuan utama kajian ini adalah untuk membangunkan satu set indikator kesejahteraan bandar dari perspektif Islam yang sesuai untuk mengukur tahap kesejahteraan sesuatu kawasan bandar di Malaysia. Dalam membangunkan indikator kesejahteraan bandar penyelidik telah melalui beberapa proses pemilihan indikator awal termasuk kajian dari sumber al-Quran, al-Sunnah, kajian literatur dan pandangan cendekiawan Islam. Seramai 109 responden daripada cendekiawan Islam telah membuat penilaian awal indikator dalam kajiselidik Delphi pusingan pertama dan dalam pusingan kedua seramai 70 responden terlibat. Data yang diperolehi dari kajiselidik Delphi telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 18.0. Ujian-T digunakan bagi menguji hipotesis samada terdapat perbezaan pandangan mengenai indikator antara cendekiawan Islam pada aras signifikan $p<0.05$. Dapatan kajian daripada kajiselidik Delphi mengesahkan sebanyak 96 indikator tanpa terdapat perbezaan pandangan yang signifikan dikalangan cendekiawan Islam. Set indikator yang dihasilkan ini divalidasi seterusnya melalui aplikasi kepada dua buah bandar di Johor iaitu bandar Muar dan bandar Batu Pahat menggunakandata daripada kajian soalselidik terhadap 600 orang responden yang terdiri daripada penduduk di kedua-dua buah bandar, dan maklumat sumber sekunder. Setelah melalui proses validasi sebanyak 7 indikator di keluarkan disebabkan permasalahan berkaitan kedapatan data yang sesuai dan kesesuaian pemakaian indikator dalam konteks tempatan dan praktis semasa. Kajian ini menghasilkan 89 indikatorbandar sejahtera berasaskan prinsip-prinsip Islam yang merangkumi dimensi fizikal, ekonomi, sosial (perspektif barat) dengan penambahan pada dimensi akidah, akhlak, dan institusi. Hasil kajian menunjukkan bahawa bandar Muar lebih sejahtera dari bandar Batu Pahat. Kesimpulannya, kajian ini telah memberikan beberapa cadangan bagi mempertingkatkan kesejahteraan bandar berasaskan pencapaian indikator dan peranan institusi agama Islam pada masa depan.

# ABSTRACT

An ideal city and urban wellbeing should be based on an appropriate framework for planning of an urban society. Previous studies on urban planning were based on indicators obtained from the perspective of western countries. The indicators used are based on physical, economy and social dimensions. Presently, no study has been done onindicators of urban wellbeing from an Islamic perspective. The objective ofthe study was to develop a set of indicators from an Islamic perspective suitable for measuring the level of wellbeing of an urban area. Initially, a preliminary set of indicators based on the study of al-Quran, al-Sunna, review of literature and views from Islamic scholars was developed. A total of 109 respondents among Muslim scholars participated in evaluating the indicators in the first Delphi survey and in the second Delphi survey only 70 respondents returned the questionnaires. Data were analysed using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 18.0. The T-test was used to test the hypothesis on whether there were differences of view on the indicators among scholars at a significant level of $p<0.05$. Analysis of the results from the Delphi study endorsed 96 indicators without any significant conflicting views among the Islamic scholars who had participated in the study. The set of indicators was validated through its application in Muar and Batu Pahat towns in Johor,using data collected from a surveyof 600 respondents living in the towns and secondary information. After going through the validation process, 7 indicators were dropped from the list due to problems with data availability and appropriateness of the indicators in the context of local situation and practices. This study produced 89 indicators for an urban wellbeing based on Islamic principles and these indicators encompass physical, economy, social (western perspective), with the addition of theology, moral and institutional dimensions. The study also calculated the urban wellbeing of Muar to be higher than Batu Pahat. As a conclusion, this study recommends ways to improve the urban wellbeing for both towns based on Islamic principles indicators and highlights the future role of Islamic religious institutions.

# ISI KANDUNGAN


| BAB | TAJUK | HALAMAN |
|---|---|---|
| | **PENGAKUAN** | ii |
| | **DEDIKASI** | iii |
| | **PENGHARGAAN** | v |
| | **ABSTRAK** | vi |
| | **ABSTRACT** | vii |
| | **ISI KANDUNGAN** | viii |
| | **SENARAI JADUAL** | xiii |
| | **SENARAI RAJAH** | xv |
| | **SENARAI SINGKATAN** | xvi |
| | **SENARAI LAMPIRAN** | xvii |
| **1** | **PENDAHULUAN** | |
| | 1.1 Pengenalan | 1 |
| | 1.2 Permasalahan Kajian | 4 |
| | 1.3 Tujuan dan Objektif Kajian | 5 |
| | 1.4 Persoalan Kajian | 6 |
| | 1.5 Hipotesis Kajian | 6 |
| | 1.6 Skop Kajian | 7 |
| | 1.7 Batasan Kajian | 8 |
| | 1.8 Organisasi Tesis | 9 |
| **2** | **PERBAHASAN MENGENAI BANDAR IDEAL DAN KESEJAHTERAAN BANDAR DARI PERSPEKTIF ISLAM** | |
| | 2.1 Pengenalan | 11 |
| | 2.2 Bandar dan Perancangan Bandar | 12 |

2.2.1 Bandar 12
2.2.2 Perancangan Bandar 15
2.3 Gagasan Bandar Ideal 18
2.3.1 Bandar Pintar 19
2.3.2 Bandar Selamat 21
2.3.3 Bandar Berdaya Saing 24
2.3.4 Bandar Ilmu 25
2.3.5 Bandar Baik (Good City) 27
2.3.6 Bandar Lestari 29
2.3.7 Bandar Rendah Karbon 30
2.3.8 Bandar Bahagia (Happy City) 32
2.3.9 Rumusan Bandar Ideal 33
2.4 Konsep Kesejahteraan dalam Islam 36
2.5 Kerangka Perancangan Bandar Sejahtera dari Perspektif Islam 38
2.5.1 Penjelasan al-Quran Mengenai Bandar Sejahtera dan Tidak Sejahtera 38
2.5.2 Pandangan al-Sunnah 51
2.5.3 Pandangan Cendekiawan Islam 52
2.6 Rumusan 55

**3 INDIKATOR KESEJAHTERAAN BANDAR**

3.1 Pengenalan 59
3.2 Indikator dan Kepentingannya 60
3.3 Pendekatan dalam Pembangunan Indikator 61
3.4 Kriteria dalam Pemilihan Indikator 62
3.5 Indikator Perancangan Bandar di Luar Negara 63
3.6 Indikator Pembangunan di Malaysia 66
3.6.1 Indeks Kualiti Hidup Malaysia 66
3.6.2 Millenium Development Goals (MDGs) 68
3.6.3 Indikator Pembangunan Kompendium Alam Sekitar 68
3.6.4 Dasar Perbandaran Negara 70
3.6.5 MURNInet 70
3.7 Usaha-usaha Pembangunan Indikator / Ciri Bandar Islam 72
3.8 Peranan Institusi Agama Islam Dalam Pembangunan Bandar Sejahtera 77
3.9 Analisis Gap Kajian 80
3.10 Rumusan 83

**4 METODOLOGI KAJIAN**


| | |
|---|---|
| 4.1 Pengenalan | 84 |
| 4.2 Pendekatan Kajian | 85 |
| 4.2.1 Al-Quran | 87 |
| 4.2.2 Al-Sunnah | 92 |
| 4.2.3 Al-Ijtihad | 94 |
| 4.3 Kaedah Pemilihan Indikator | 95 |
| 4.3.1 Pengumpulan Indikator Peringkat Awal oleh Penyelidik | 95 |
| 4.3.2 Perbincangan dengan Pakar Bidang bagi Penapisan Awal Indiator dan Pembinaan Borang Soalselidik | 96 |
| 4.3.3 Pengesahan Indikator Melalui Kaedah Delphi | 97 |
| 4.3.3.1 Kaedah Delphi | 98 |
| 4.3.3.2 Pemilihan Responden | 102 |
| 4.3.3.3 Instrumen Kajian | 104 |
| 4.3.3.4 Proses Kajian Delphi | 106 |
| 4.3.4 Kaji Selidik Pengukuran Indikator | 107 |
| 4.3.5 Lain-Lain Kaedah Pengumpulan Data | 110 |
| 4.4 Teknik Penganalisisan Data | 110 |
| 4.4.1 Data Kualitatif | 111 |
| 4.4.2 Data Kuantitatif | 111 |
| 4.4.2.1 Ujian Kebolehpercayaan | 112 |
| 4.5 Masalah dan limitasi | 113 |
| 4.6 Rumusan | 114 |


**5 ANALISIS INDIKATOR KESEJAHTERAAN BANDAR ISLAM**


| | |
|---|---|
| 5.1 Pengenalan | 115 |
| 5.2 Latar Belakang Responden | 116 |
| 5.3 Penilaian Indikator Kesejahteraan Bandar oleh Cendekiawan Islam | 118 |
| 5.3.1 Penilaian Indikator Fizikal | 119 |
| 5.3.2 Penilaian Indikator Akidah | 122 |
| 5.3.3 Penilaian Indikator Akhlak | 123 |
| 5.3.4 Penilaian Indikator Ekonomi | 124 |
| 5.3.5 Penilaian Indikator Sosial | 125 |
| 5.3.6 Penilaian Indikator Institusi | 126 |

5.4 Analisis Perbezaan Pandangan Tahap Kepentingan Indikator Mengikut Latar Belakang Responden 128
5.4 Rumusan 131

6 ANALISIS PEMAKAIAN INDIKATOR BANDAR ISLAM

6.1 Pengenalan 133
6.2 Pembangunan Pengukuran Bagi Indikator 134
6.3 Latarbelakang Responden 138
6.4 Latar Belakang Kawasan Kajian 149
6.4.1 Bandar Muar 140
6.4.2 Bandar Batu Pahat 142
6.4.3 Kedudukan Jenayah Syariah dan Jenayah Civil 143
6.5 Analisis Pencapaian Set Indikator 145
6.5.1 Indikator Subjektif Berasaskan Persepsi penduduk 145
6.5.1.1 Indikator Subjektif Fizikal 146
6.5.1.2 Indikator Subjektif Akidah 147
6.5.1.3 Indikator Subjektif Akhlak 147
6.5.1.4 Indikator Subjektif Ekonomi 149
6.5.1.5 Indikator Subjektif Sosial 149
6.5.1.6 Indikator Subjektif Institusi 150
6.5.2 Indikator Objektif dari Data Sekunder dan Pengamatan 150
6.5.2.1 Indikator Objektif Fizikal 152
6.5.2.2 Indikator Objektif Akidah 153
6.5.2.3 Indikator Objektif Akhlak 154
6.5.2.4 Indikator Objektif Ekonomi 155
6.5.2.5 Indikator Objektif Sosial 156
6.5.2.6 Indikator Objektif Institusi 157
6.6 Tahap Kesejahteraan Kawasan Kajian 158
6.7 Penemuan dan Perbincangan 160
6.8 Kesimpulan 163

7 RUMUSAN DAN CADANGAN

7.1 Pengenalan 165
7.2 Ringkasan Penemuan 166
7.3 Implikasi Kajian 168
7.3.1 Pengintegrasian Pendekatan Ilmu Wahyu dan Sains (Revealed and Acquired Knowledge) 169

7.3.2 Pengoperasian Indikator Kesejahteraan di Peringkat Tempatan 170
7.3.3 Implikasi Kepada Peranan Institusi Agama 170
7.4 Cadangan Dan Saranan 174
7.4.1 Cadangan Umum 174
7.4.2 Cadangan Khusus 175
7.5 Cadangan Kajian Masa Hadapan 177
7.6 Penutup 178

**RUJUKAN** **180-197**
Lampiran 1-14 198-256

# SENARAI JADUAL


| NO. JADUAL | TAJUK JADUAL | HALAMAN |
|---|---|---|
| 2.1 | Ringkasan kisah kemusnahan bandar dalam al-Quran | 48 |
| 3.1 | Indikator Kelestarian Bandar | 63 |
| 3.2 | Indikator Daya Saing Bandar | 64 |
| 3.3 | Bidang Polisi: Jenayah dan Keselamatan | 65 |
| 3.4 | Indikator Kualiti Hidup Malaysia | 67 |
| 3.5 | Indikator Kompendium Perangkaan Alam Sekitar | 69 |
| 3.6 | Indikator MURNInets | 71 |
| 3.7 | Indikator al-Falah Mengikut Dimensi Spiritual, Ekonomi, Budaya, dan Politik | 74 |
| 3.8 | Ciri-Ciri Masyarakat Islam Ideal | 76 |
| 3.9 | Analisis Gap kajian | 80 |
| 4.1 | Senarai Ayat Mengandungi Kata Baldatun Maiyita dan Baldatun Toyyiba | 90 |
| 4.2 | Pecahan Umur Responden | 108 |
| 5.1 | Responden Kumpulan 1 | 117 |
| 5.2 | Responden Kumpulan 2 | 117 |
| 5.3 | Responden Kumpulan 3 | 118 |
| 5.4 | Pandangan Cendekiawan Terhadap Kepentingan Indikator Fizikal | 120 |
| 5.5 | Pandangan Cendekiawan Terhadap Kepentingan Indikator Akidah | 122 |
| 5.6 | Pandangan Cendekiawan Terhadap Kepentingan Indikator Akhlak | 123 |
| 5.7 | Pandangan Cendekiawan Terhadap Kepentingan Indikator Ekonomi | 125 |
| 5.8 | Pandangan Cendekiawan Terhadap Kepentingan Indikator Sosial | 126 |
| 5.9 | Pandangan Cendekiawan Terhadap Kepentingan Indikator Institusi | 128 |

| | | |
|---|---|---|
| 5.10 | Jumlah Purata Keseluruhan Skor Min Indikator Kesejahteraan Berdasarkan Latarbelakang Umur | 129 |
| 5.11 | Jumlah Purata Keseluruhan Skor Min Indikator Kesejahteraan Berdasarkan Latarbelakang Perjawatan | 130 |
| 6.1 | Jenis Pengukuran dan Sumber Makumat bagi Indikator Bandar Sejahtera | 134 |
| 6.2 | Ciri-ciri Responden Mengikut Bandar | 138 |
| 6.3 | Agihan Penduduk Kawasan Kajian Mengikut Etnik 2010 | 139 |
| 6.4 | Statistik Kes Jenayah Syariah Mengikut Bandar di Johor Tahun 2008 hingga 2013 | 144 |
| 6.5 | Statistik Kes Jenayah Mengikut Bandar di Johor (2007 – 2014) | 144 |
| 6.6 | Persepsi Responden Mengenai Indikator Fizikal | 146 |
| 6.7 | Persepsi Responden Mengenai Indikator Akidah | 147 |
| 6.8 | Persepsi responden mengenai indikator Akhlak | 148 |
| 6.9 | Persepsi Responden Mengenai Indikator Ekonomi | 149 |
| 6.10 | Persepsi Responden Mengenai Indikator Sosial | 150 |
| 6.11 | Persepsi Responden Mengenai Indikator Institusi | 150 |
| 6.12 | Senarai Indikator Digugurkan dan Alasan | 151 |
| 6.13 | Pengukuran Indikator Objektif Fizikal | 153 |
| 6.14 | Pengukuran Indikator Objektif Akidah | 153 |
| 6.15 | Pengukuran Indikator Objektif Akhlak | 154 |
| 6.16 | Pengukuran Indikator Objektif Ekonomi | 155 |
| 6.17 | Pengukuran Indikator Objektif Sosial | 157 |
| 6.18 | Pengukuran Indikator Objektif Institusi | 158 |
| 6.19 | Nilai Purata Hasil Gabungan Min Bagi Indikator Subjektif dan Objektif | 159 |

# SENARAI RAJAH


| NO. RAJAH | TAJUK RAJAH | HALAMAN |
|---|---|---|
| 2.1 | Kerangka Perancangan Bersepadu, Malaysia | 17 |
| 2.2 | Inisiatif bandar selamat bagi mencegah jenayah | 22 |
| 2.3 | Kerangka Sistem Bandar Sejahtera Islam | 55 |
| 4.1 | Metodologi Penghasilan Indikator Kesejahteraan Bandar Islam | 87 |
| 4.2 | Proses Kajian *Delphi* | 98 |
| 6.1 | Pandangan Udara Bandar Muar | 141 |
| 6.2 | Pandangan Udara Bandar Batu Pahat | 143 |
| 6.3 | Carta Perbandingan Kesejahteraan Antara Bandar Muar dan Batu Pahat | 159 |
| 7.1 | Implikasi Kepada Peranan Institusi Agama Islam Dalam Pembangunan Bandar Sejahtera | 173 |

# SENARAI SINGKATAN

| | | |
|---|---|---|
| SWT | | *Subhanahu Wa Ta'ala* |
| SAW | - | *Saalallahu Alaihi Wasallam* |
| ICT | - | *Information and Communication Technologies* |
| WCR | - | *World Competitiveness Report* |
| IPTS | - | Institusi Pendidikan Tinggi Swasta |
| IPTA | - | Institusi Pendidikan Tinggi Awam |
| FAB | - | Fakulti Alam Bina |
| FTI | - | Fakulti Tamadun Islam |
| FGD | - | *Focus Group Discussion* |
| SCI | - | *Sustainable Cities International* |
| WEF | - | *World Economic Forum* |

# SENARAI LAMPIRAN


| NO. LAMPIRAN | TAJUK LAMPIRAN | HALAMAN |
|---|---|---|
| 1 | Indikator Awal Dalam Bentuk Indikator Positif dan Negatif Bersumberkan Al-Quran, Al-Sunnah dan *Literatur Review* Sebanyak 85 Indikator | 198 |
| 2 | Dikekalkan Indikator Positif Sebanyak 53 Indikator Dan Digugurkan kesemua 32 Indikator Negatif | 205 |
| 3 | Dikekalkan 53 Indikator Dan Ditambah 19 Indikator Melalui Ijtihad Cendikiawan Menjadi 72 Indikator | 209 |
| 4 | Dikekalkan Sebanyak 72 Indikator Dan Tambahan Indikator Melalui Ijtihad Cendikiawan 40 Indikator Menggunakan Kaedah Delphi Menghasilkan 112 Indikator | 214 |
| 5 | Senarai 112 Indikator Kesejahteraan Dalam Perancangan Bandar Islam | 221 |
| 6 | Nilai Min bagi 112 Indikator Kesejahteraan | 224 |
| 7 | Senarai Indikator Akhir yang Dikekalkan dan Digugurkan | 227 |
| 8 | Senarai Akhir Indikator Kesejahteraan Bandar Islam | 231 |
| 9 | Borang Soal Selidik Delphi Pusingan Pertama | 233 |
| 10 | Borang Soal Selidik Delphi Pusingan Kedua | 237 |
| 11 | Borang Soal Selidik Kajian Persepsi Penduduk Dilapangan | 240 |
| 12 | Senarai Penerbitan | 244 |
| 13 | Jenis-Jenis Bandar Masa Kini | 244 |
| 14 | Pengiraan Indikator Objektif | 246 |

# BAB 1

# PENDAHULUAN

## 1.1 Pengenalan

Bandar merupakan suatu kawasan yang menjadi tumpuan penduduk dan pelbagai kegiatan ekonomi, sosial, politik dan pentadbiran. Taraf kehidupan di bandar lazimnya lebih mewah dan lebih kaya berbanding penduduk desa dan penduduknya mempunyai latarbelakang sosial, ekonomi dan budaya yang berbeza. Sistem bandar adalah suatu yang kompleks dengan setiap komponennya saling berhubung, bergantung dan mempunyai pertalian yang rapat antara bandar dan luar bandar. Struktur kehidupan di bandar Islam adalah berteraskan tauhid dengan sistem sosial, ekonomi dan politik yang adil dan sistem akhlak yang menterjemahkan penghayatan terhadap Islam. Dalam penulisan klasik, Ibn Khaldun melihat bandar sebagai proses kehidupan yang membawa ciri-ciri kemakmuran dan tamadun atau disebut sebagai *madaniyah.* Bandar juga dikaitkan dengan peradaban atau *'umran'* iaitu suatu tempat untuk memperolehi keselesaan, memenuhi keperluan dan kepuasan manusia, serta mencapai suatu taraf hidup (Ibn Khaldun, 2000).

Islam adalah agama yang lengkap dan sempurna, bukan sahaja menyentuh persoalan kepercayaan dan ibadah menurut pengertian sempit dan terpisah daripada kehidupan tetapi mencakupi aspek sosial, ekonomi, politik dan mempunyai pelbagai

cabang undang-undang termasuk undang-undang perlembagaan dan pentadbiran (*constitutional and administrative law*). Al-Quran dan al-Sunnah menyediakan asas-asas yang kukuh untuk mencapai kesejahteraan dan telah diterjemahkan dalam amalan kehidupan dan perlembagaan pemerintahan Rasulullah SAW dan *Khulafa'* Rasyidin (Abdul Samat Musa, 2002). Konsep kesejahteraan bandar suatu yang tidak dapat dipisahkan dengan ajaran al-Quran, malahan banyak peristiwa sejarah umat terdahulu berkisar dalam kehidupan di bandar seperti kaum nabi Nuh (bandar 'Ur), Aad (bandar Uber) dan Thamud (bandar Petra di Jordan). Kisah kemusnahan bandar yang dinyatakan dalam al-Quran telah disahkan melalui penyelidikan arkeologi dalam dunia moden seperti dalam penulisan Harun Yahaya (1999). Kemusnahan ini mempunyai kaitan dengan kekufuran, kezaliman dan kemungkaran yang dilakukan oleh kaum tersebut.

Hassan Baharom (1996) menjelaskan bahawa dalam al-Quran, perkataan Madinah yang membawa maksud bandar disebut sebanyak 17 kali. Antaranya termasuk bandar Memphis pada zaman Nabi Musa a.s yang merupakan tempat tinggal pembesar-pembesar negeri yang telah merancang untuk membunuh Nabi Musa a.s. dan kota Madinah (Yathrib) iaitu bandar Islam pertama di bangunkan oleh Rasulullah SAW.

Menurut Muhammad Ali al-Hashimi (2007) masyarakat Islam yang ideal (termasuk masyarakat di bandar) adalah masyarakat yang dibentuk oleh garis panduan Illahi dan diasaskan kepada nilai-nilai yang paling mulia, diperintah oleh perundangan yang paling sempurna, menyeluruh berasaskan al-Quran dan al-Sunnah. Gambaran umum masyarakat Islam ideal ialah unik (gaya tersendiri), beradab, individu aktif, bahagia, penyayang, keluarga bersepadu; satu masyarakat yang bertamadun, stabil dan pro-aktif, dengan warganya saling membantu, menyokong dan berkasih sayang antara satu sama lain. Masyarakat seperti ini tidak pernah dilihat melainkan di bawah naungan Islam. Model masyarakat ini tidak wujud sehingga Allah menghantar Muhammad S.A.W, menurunkan risalah kepadanya dan masyarakat ini pertama kalinya dibina di Madinah.

Setelah berhijrah ke Madinah, perkara pertama yang dilakukan oleh Rasulullah SAW adalah mendirikan masjid. Tujuan membangunkan masjid adalah untuk beribadat dan menjalankan kegiatan-kegiatan yang mendatangkan faedah kepada masyarakat Islam seperti berbincang mengenai kebajikan umat Islam, masalah ekonomi, sosial, pendidikan dan keharmonian negara. Rasulullah SAW juga telah membentuk satu ikatan masyarakat di kalangan penduduk bandar Madinah yang beragama Islam dengan panggilan *'ummah'*. Manakala yang bukan beragama Islam dengan mewujudkan satu perlembagaan iaitu *'Sahifah al-Madinah'*. Kedua-dua perkara ini diwujudkan adalah bertujuan untuk mengemaskinikan struktur pentadbiran bandar Madinah yang pada ketika itu telah berlaku perpecahan di kalangan kaum dan memudahkan proses pembangunan bandar (Sulong, Muhammad et, al. 2008). Proses yang dilakukan itu merupakan teras kepada kesejahteraan bandar.

Pembinaan bandar Islam terus berkembang dari masa ke masa, khasnya pada zaman Khalifah Umar al-Khattab. Terdapat tiga bandar baru telah dibina iaitu Kufah, Damsyik, dan Fustat. Pada masa pemerintahan Umayyah, bandar Islam terus bertambah antaranya Wasit dan Marw Marghah. Menurut catatan sejarah, pada zaman Abasiah kira-kira lima puluh buah bandar telah dibina termasuklah Baghdad, di Eropah Istanbul dan Qurtubah, di sebelah timur, seperti Kota Gujrat, di sebelah Nusantara, Acheh dan Melaka manakala di Cina, seperti Kanton (Ahmad Zaki, 1997). Pertambahan bandar-bandar ini memperlihatkan kepada kita betapa pentingnya kehidupan di bandar menurut pandangan Islam.

Walaupun kesejahteraan bandar dalam Islam ini telah dijelaskan dalam al-Quran dan pernah diamalkan semasa zaman Rasulullah SAW dan zaman pemerintahan Islam, namun sehingga kini tidak dapat diukur sejauhmana sesebuah bandar itu menepati ciri-ciri bandar yang sejahtera mengikut acuan Islam. Oleh yang demikian, penyelidikan ini berusaha mengenalpasti indikator-indikator kesejahteraan dan diharapkan kajian ini dapat memberikan sumbangan ke arah kesejahteraan bandar Islam.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Islam menjadi pendorong untuk membangunkan bandar kerana Islam merupakan agama yang mengutamakan kesejahteraan umatnya. Kehidupan bandar yang diasaskan oleh Rasulullah SAW di Madinah telah berjaya mencorakkan tamadun yang berasaskan al-Quran dan al-Sunnah. Bandar-bandar Islam seterusnya telah banyak dibina semasa zaman kegemilangan Islam di bawah sistem *Khulafa'* dari *Khulafa'* al-Rashidin hingga *Khulafa'* Othmaniah (Ahmad Zaki, 1997; Mahayuddin, 1998). Bagaimanapun, kajian-kajian yang dilaksanakan terhadap bekas peninggalan bandar Islam lebih menjurus kepada kajian ciri-ciri fizikal bangunan, aspek senibina dan rekabentuk bandar tanpa melihat sistem dan elemen yang membentuk konsep kesejahteraan bandar secara menyeluruh (Hakim, 1986; Saoud, 2002; Omer, 2004; Omer 2005; Abu-Lughod, 2013). Dalam *maqasid al-Syaria'ah*, lima perkara asasi yang disebut sebagai *al-daruriyyat al-khamsah* yang menjadi intipati utama perlu dipelihara dan diberi pertimbangan adalah agama, nyawa, akal, maruah, dan harta (Yusof al-Qardhawi, 2000). Prinsip ini berbentuk umum yang diguna pakai sebagai panduan pembangunan sistem perundangan Islam. Memandangkan kekurangan yang ada terhadap kajian-kajian terdahulu dalam membina konsep bandar sejahtera dan indikatornya, kajian ini telah merujuk kepada al-Quran itu sendiri sebagai sumber asas konsep kesejahteraan hidup dan perlu diterjemahkan dalam konteks kehidupan di bandar dengan merujuk pandangan cendekiawan Islam masa kini.

Islam mencipta paradigma pengurusan bandar yang unik, dipupuk kesopanan, kemakmuran, kepelbagaian dan kebahagiaan di kalangan masyarakat yang mempunyai pegangan dan asal-usul etnik yang berbeza di seluruh dunia selama lebih daripada 1000 tahun (Abbasi *et al.*, 2010). Dalam senario global hari ini, umat Islam perlu membina bandar yang mensimulasikan model pengurusan bandar Islam sebagaimana yang diinspirasikan oleh ajaran Islam (Abbasi *et al.,* 2010). Dalam teori perancangan bandar moden, telah banyak idea mengenai bandar 'sejahtera' dibina termasuk bandar dalam taman, bandar selamat, bandar lestari, bandar hijau, bandar bahagia (*happy city*) dan bandar rendah karbon telah menjadi rujukan kepada pembangunan dan kemajuan sesebuah bandar kini. Indikator-indikator juga telah

dihasilkan berkaitan dengan bandar ideal tersebut termasuk sistem Murninets yang dibangunkan untuk mengukur kelestarian bandar di Malaysia. Namun demikian, konsep dan indikator-indikator yang dibangunkan tidak berasaskan konsep kesejahteraan bandar dari perspektif Islam yang melihat kesejahteraan bandar secara menyeluruh. Didapati bahawa indikator perancangan bandar kontemporari tidak merangkumi dimensi spiritual dan aspek keberagamaan yang menjadi teras kepada kesejahteraan ummah.

Tinjauan *literature* juga mendapati kajian mengenai indikator kesejahteraan bandar menurut perspektif Islam belum dilaksanakan lagi secara terperinci. Kajian ini menyediakan pendekatan alternatif dalam membangunkan indikator bandar sejahtera berasaskan perspektif Islam. Dalam perkembangan terkini, indikator berteraskan Islam telah mula mendapat perhatian masyarakat termasuk indeks *maqasid al-Syari'ah* yang dibangunkan untuk mengukur tahap pelaksanaan syariah di Malaysia yang masih diperingkat penyediaan. Dengan adanya indikator ini dijangka akan memberi implikasi kepada dasar perancangan dan pembangunan masyarakat bandar.

## 1.3 Tujuan dan Objektif Kajian

Tujuan utama kajian ini adalah untuk membangunkan satu set indikator kesejahteraan bandar menurut perspektif Islam. Indikator yang dibangunkan ini akan digunakan untuk mengukur tahap kesejahteraan sesuatu kawasan bandar sama ada di dalam mahupun di luar negara. Berikut merupakan objektif kajian yang dijalankan:

(1) Mengenal pasti konsep, prinsip dan ciri kesejahteraan bandar berteraskan Islam.
(2) Membentuk indikator kesejahteraan bandar berasaskan pandangan cendekiawan Islam.
(3) Mengukur tahap kesejahteraan sesebuah bandar menerusi set indikator kesejahteraan bandar yang dihasilkan.
(4) Mengenal pasti implikasi kajian terhadap dasar perancangan dan pembangunan masyarakat bandar.

## 1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan ulasan permasalahan kajian yang dibincangkan di atas, kajian ini memberi fokus kepada pembangunan indikator kesejahteraan bandar menurut perspektif Islam dengan menjawab beberapa persoalan asas kajian iaitu:

(1) Apakah konsep, prinsip dan ciri kesejahteraan bandar berteraskan Islam?
(2) Bagaimana untuk memilih indikator kesejahteraan bandar berasaskan pandangan cendekiawan Islam?
(3) Adakah terdapat perbezaan pandangan mengenai kepentingan indikator antara perbezaan latar belakang cendekiawan Islam?
(4) Adakah set indikator yang dihasilkan dapat dilaksanakan bagi mengukur tahap kesejahteraan bandar?
(5) Apakah implikasi kajian terhadap dasar perancangan dan pembangunan masyarakat bandar?

## 1.5 Hipotesis Kajian

Sebagaimana yang telah dibincangkan di awal bab ini, usaha ke arah membangkitkan kesedaran dan memandu tindakan secara bersepadu bagi menghindari kemusnahan bandar dan membina kesejahteraan bandar ialah dengan membina satu set indikator secara menyeluruh yang merangkumi dimensi fizikal dan spiritual. Indikator awal dibina berasaskan penelitian al-Quran dan beberapa penulisan berkaitan sistem sosial, ekonomi, individu, dan masyarakat Islam.

(1) Hipotesis 1:

$H_0$: Kumpulan responden umur yang berbeza mempunyai perbezaan pendapat yang signifikan tentang indikator kesejahteraan bandar

$H_1$: Kumpulan responden umur yang berbeza tidak mempunyai perbezaan pendapat yang signifikan tentang indikator kesejahteraan bandar

(2) Hipotesis 2

$H_0$: Perbezaan jawatan dikalangan responden mempengaruhi pendapat tentang indikator kesejahteraan bandar secara signifikan

$H_1$: Perbezaan jawatan dikalangan responden tidak mempengaruhi pendapat tentang indikator kesejahteraan bandar secara signifikan

(3) Hipotesis 3

$H_0$: Perbezaan bandar mempunyai kesan yang signifikan kepada kesejahteraan bandar Islam.

$H_1$: Perbezaan bandar tidak mempunyai kesan yang signifikan kepada kesejahteraan bandar Islam

## 1.6 Skop Kajian

Kajian ini terbahagi kepada dua skop utama iaitu pemilihan indikator kesejahteraan bandar berasaskan pandangan cendekiawan Islam dan ujian validity indikator berasaskan aplikasi indikator kepada dua buah bandar di negeri Johor. Bagi membangunkan indikator kesejahteraan bandar, kajian *literatur* dan penelitian kepada al-Quran dan al-Sunnah dilaksanakan untuk menghasilkan senarai indikator kesejahteraan bandar menurut perspektif Islam. Pengesahan kepentingan indikator dilaksanakan dengan mendapat pandangan dari cendekiawan Islam yang terdiri daripada pegawai yang berlatarbelakang bidang Pengajian Islam dan profesional perancangan bandar.

Untuk menguji *validity* hasil daripada indikator yang dinilai oleh pakar, set indikator tersebut diaplikasikan kepada dua buah bandar di Johor iaitu bandar Muar dan bandar Batu Pahat yang mempunyai ciri-ciri permasalahan sosial yang berbeza. Tujuannya untuk memastikan bahawa pengukuran indikator yang dihasilkan dapat dilaksanakan secara amalinya dan dapat mengukur tahap kesejahteraan bandar yang dikaji.

## 1.7 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada dua buah bandar dalam negeri Johor iaitu bandar Muar dan Batu Pahat. Pemilihan bandar Muar dan Batu Pahat ini mempunyai beberapa kerumitan berkaitan dengan penduduknya yang terdiri dari pelbagai bangsa dan agama. Oleh kerana kajian ini memfokuskan kepada persepsi Islam terdapat indikator-indikator yang digunakan seperti akidah dan akhlak Islam tidak boleh diaplikasikan kepada penduduk bukan Islam. Oleh itu indikator yang dihasilkan ini hanya mencerminkan pandangan daripada penduduk Islam. Pemakaian indikator kesejahteraan bandar Islam ini boleh dikembangkan seterusnya di bandar-bandar yang majoriti penduduknya beragama Islam seperti di negeri Kelantan dan Terengganu. Namun demikian, pemilihan bandar-bandar di Kelantan dan Terengganu tidak dapat dilaksanakan dalam kajian ini kerana batasan sumber kewangan, masa dan tenaga yang dihadapi oleh pengkaji. Selain daripada itu, dengan melaksanakan kajian di negeri Johor data-data penting yang perlu bagi mengukur indikator lebih mudah diperolehi kerana pengkaji sebagai penjawat awam di Jabatan Agama Islam Johor lebih mudah untuk mendapatkan maklumat dan data kajian dalam negeri Johor.

## 1.8 Organisasi Tesis

Bertepatan dengan tujuan dan skop kajian, penulisan tesis ini dibahagikan kepada tujuh bab utama. Bab Satu merupakan pengenalan kepada tesis. Bab ini mengemukakan latar belakang dan permasalahan kajian yang menjadi asas kajian ini. Isu berkaitan dengan indikator konvensional telah dibangunkan untuk mengukur sesebuah bandar seperti bandar selamat, bandar mampan, bandar lestari, bandar hijau dan bandar ceria serta menjadi rujukan kepada pembangunan dan kemajuan sesebuah bandar. Namun demikian indikator-indikator tersebut tidak mengukur kesejahteraan bandar secara menyeluruh sebagaimana yang diinspirasikan oleh cendekiawan Islam terdahulu dan kaitannya dengan keperluan ke arah pembangunan indikator kesejahteraan bandar berdasarkan perspektif Islam. Bab Dua menjelaskan konsep bandar, perancangan bandar dan perkembangan idea bandar baik atau bandar idaman yang pernah dikemukakan dan mempengaruhi amalan perancangan moden di negara maju dan membangun sehingga kini. Seterusnya bab ini membincangkan konsep kesejahteraan dalam Islam dan kerangka bandar sejahtera dari perspektif Islam termasuk hujah-hujah daripada al-Quran tentang bandar sejahtera dan tidak sejahtera dan pandangan sarjana Islam. Bab Tiga membincangkan mengenai konsep indikator dan perkara asas berkaitan pembangunan indikator, contoh-contoh indikator yang dibangunkan di luar negara dan indikator di Malaysia, ciri-ciri bandar Islam dan rumusan kerangka indikator kesejahteraan bandar Islam.

